

NO. SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
[SUBANG]**

TARIKH : 04 APRIL 2018 (RABU)

RUJUKAN : 10653

SOALAN :

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah bilangan kanak-kanak yang tidak berwarganegara memohon kerakyatan Malaysia dan yang telah diluluskan setakat ini untuk setiap tahun dari 2017 - 2018.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menerima sebanyak 8,780 permohonan kewarganegaraan bagi individu berumur 21 tahun dan ke bawah Dari tahun 2017 hingga 2018. Dalam tempoh yang sama, seramai 533 orang individu berumur bawah 21 tahun telah dianugerahkan kewarganegaraan selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.